

FUNGSI SEBAGAI PENDAFTAR

Ketua Pengarah, Lembaga Pertubuhan Peladang melaksanakan fungsi mendaftar, mengawal dan menyelia PP di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta 110, Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973. Beliau bertanggungjawab mendaftar, menyelia, mengawal perjalanan operasi dan mengaudit akaun semua PP disamping memberi pendidikan dan latihan kepada pemimpin yang terdiri dari ahli jemaah pengarah dan ahli-ahli peladang mengikut Seksyen 7(2) Akta 109, Akta Pertubuhan Peladang 1973. Ketua Pengarah selaku Pendaftar juga telah mewakili sebahagian kuasanya mengikut Seksyen 7(3) Akta 109, kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak bagi Negeri Sarawak, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

(MADA) bagi kawasan MADA dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bagi kawasan KADA kecuali kuasa untuk menubuh, mendaftar, menggantung atau membubarkan PP.

i. Pendaftaran PP

Pada tahun 2008, sebuah PP baru telah didaftarkan iaitu Pertubuhan Peladang Wilayah Persekutuan Labuan menjadikan jumlah PP berdaftar diseluruh negara sebanyak 289 buah. Pecahan bilangan pendaftaran PP di bawah penyeliaan LPP, MADA, KADA dan Negeri Sarawak adalah seperti **Jadual 4**.

Jadual 4
Bilangan Pendaftaran PP seluruh Negara
Sehingga Tahun Akhir 2008

Pendaftar/Wakil	NAFAS	PPN	PPK	JUMLAH
LPP Semenanjung, Sabah dan Labuan	1	13	206	220
KADA	-	-	13	13
MADA	-	-	27	27
Sarawak	-	1	28	29
JUMLAH PP	1	14	274	289

Nota untuk Jadual 4 di atas:

NAFAS - Pertubuhan Peladang Kebangsaan
PPN - Pertubuhan Peladang Negeri
PPK - Pertubuhan Peladang Kawasan
KADA - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
MADA - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

ii. Penyeliaan dan Pengawasan

a. Penyeliaan

Tugas ini meliputi perkhidmatan bimbingan dan perundingan secara berjadual kepada semua PP dalam aspek pengurusan organisasi, personal dan pengurusan kewangan.

b. Penyeliaan Organisasi

Semua anggota pengurusan dan Ahli Jemaah Pengarah PP diwajibkan menerima latihan dan bimbingan melalui program latihan peladang dan pegawai dengan menggunakan manual dan panduan pengurusan yang disediakan oleh Bahagian Penyeliaan dan Audit Pertubuhan LPP Ibu Pejabat. Walau bagaimanapun, jumlah yang dapat diberi latihan adalah tertakluk kepada jumlah peruntukan yang tersedia.

c. Penyeliaan Pengurusan

Aktiviti ini dilaksanakan melalui mesyuarat secara berkala bagi membincang dan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh PP. Pekeliling-pekelling/Arahan Pendaftar juga diedarkan sebagai panduan dan penambahbaikan tadbir urus PP, di samping menyediakan peraturan dan khidmat berkaitan pelaburan dan pinjaman yang dibuat oleh PP.

d. Penyeliaan Kewangan

Aspek kewangan PP diberi perhatian keutamaan oleh LPP di mana perbandingan pencapaian prestasi kewangan bagi tahun semasa dengan sebelumnya dibuat dengan mengambilkira Nisbah Kecairan, Nisbah Kecekapan, Nisbah Keberuntungan, Nisbah Saham dan Analisa Z-Score.

iii. Pengauditan PP

Pendaftar PP sentiasa memastikan bahawa tugas pengauditan berkanun ke atas Penyata Kewangan PP dilaksanakan selaras dengan kehendak Peruntukan Seksyen 24 Akta PP 1973 (Akta 109). Pelaksanaan pengauditan berkanun oleh Bahagian Audit Pertubuhan LPP telah mendapat pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 (AR:3082) daripada Sirim Qas.

Bagi tahun 2008, Juruaudit Pendaftar mengaudit sebanyak 231 buah PP dan 55 buah adalah diaudit oleh Firma Juruaudit Swasta yang dilantik oleh Pendaftar. Selain daripada PP, Bahagian Audit turut melaksanakan pengauditan ke atas Penyata Kewangan projek-projek ahli/Unit ahli dan projek Usahasama PP. Ringkasan Laporan pencapaian pengauditan adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Pengauditan PP Tahun 2007 Hingga 2008

Kategori	Bilangan PP	
	2007	2008
Juruaudit Pendaftar/LPP	235	231
Juruaudit Swasta	21	55
Jumlah	256	286

iv. Pendidikan dan Latihan Peladang


Pendidikan dan latihan diberi secara berterusan dikalangan pegawai-pegawai yang merancang dasar serta anggota yang melaksanakan program dan projek di PP dalam meningkatkan kemahiran, budaya kerja yang inovatif, nilai-nilai keusahawanan dan berdayasaing dalam dunia perniagaan. Pendidikan di kalangan pemimpin peladang menjurus kepada usaha merubah minda serta membimbing masyarakat peladang

menjadi peladang progresif. Manakala latihan untuk peladang ditumpukan kepada bidang pengurusan ladang berteknologi moden sebagai enterprais perniagaan selain mengadakan kursus keusahawanan yang diharapkan dapat melahirkan usahawan peladang yang mampu membawa transformasi kepada sektor pertanian negara.

vi. Penempatan Anggota Di Pertubuhan Peladang

LPP menempatkan anggota bagi jawatan-jawatan strategik di PP supaya perancangan yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dasar penempatan anggota LPP adalah berasaskan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2006, Dasar Penempatan Anggota LPP dan Pekeliling Ketua Pengarah Bil. 6 Tahun 2007. Sehingga tahun 2008, seramai 3,176 anggota daripada 3,286 perjawatan diluluskan seperti Jadual 6 ditempatkan di pelbagai peringkat untuk melaksanakan tugas-tugas pengurusan dan pembangunan. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,868 anggota atau 59 peratus ditempatkan di PP bagi menguruskan PP, khususnya memberikan perkhidmatan kepada peladang. Manakala seramai 1,308 anggota atau 41 peratus ditempatkan di Ibu pejabat LPP, LPP Negeri, Pejabat Penyelia Daerah dan Institut Pengurusan Peladang Langkawi. Agihan penempatan anggota LPP bagi tahun 2008 ditunjukkan seperti di **Carta 4**.

Carta 4
Agihan Anggota LPP Bagi Tahun 2008



FUNGSI SEBAGAI AGENSI PENGURUSAN

Fungsi LPP sebagai agensi pengurusan adalah menyediakan anggota-anggota profesional yang berupaya menguruskan PP dengan cekap dan berkesan serta menjadi agen perubahan kepada masyarakat peladang. Khidmat pengurusan disediakan termasuk mentadbir dan melatih anggota bagi memperkemaskan operasi perniagaan dan pengurusan PP.

Jadual 6
Kedudukan Penempatan Anggota LPP
Sehingga 31 Disember 2008

Pejabat LPP/PP	Bilangan Anggota
Ibu Pejabat LPP	350
Pejabat LPP Negeri	874
Peringkat Daerah (PPD)	64
Institut Pengurusan Peladang (IPP)	20
Pertubuhan Peladang (PP)	1,868
JUMLAH	3,176



ii. Pemantapan Khidmat Sokongan Pengurusan

Bagi menghadapi cabaran dan perubahan senario pembangunan sektor pertanian, LPP mengambil langkah-langkah memantapkan khidmat sokongan pengurusan dengan melahirkan anggota minda kelas pertama melalui program-program seperti berikut:

a. Pemantapan Struktur dan Perjawatan

Hasil kajian keatas kesandan keberkesanan penyusunan semula organisasi LPP pada tahun 2008, beberapa langkah diambil bagi memantapkan struktur dan perjawatan sedia ada seperti pemantapan fungsi dan tugas-tugas bahagian, memperingkatkan pembangunan kerjaya anggota LPP dan memperkukuh struktur penyeliaan pengurusan di semua peringkat PP. LPP telah berjaya menyiapkan pelan pemantapan perjawatan pada tahun 2008 untuk dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

b. Program Mentoring LPP

Anggota lantikan baru adalah merupakan modal insan yang menjadi pelapis untuk meneraju kecemerlangan LPP di masa hadapan. Untuk itu, LPP telah melantik 194 orang anggota yang berpengalaman dan mempunyai kredibiliti sebagai pegawai mentor bagi memberi bimbingan

dan sokongan secara terlatih dan beretika, berkemahiran dan sistematik kepada anggota lantikan baru dalam membuat penyesuaian dengan persekitaran tempat bekerja baru mereka.

Program mentoring ini memberi penekanan kepada membantu meningkatkan pengetahuan anggota baru khususnya dalam bidang kerja, memupukkan persefahaman dalam kumpulan dikalangan anggota baru dan lama, membantu memahami masalah dan keperluan anggota baru dalam pembangunan diri dan kerjaya, menanam semangat cinta dan sayangkan organisasi, menanamkan sifat amanah, ikhlas, jujur dan bertanggungjawab dan menghasilkan produktiviti kerja yang tinggi dan berkualiti.

c. Penghargaan dan Pengiktirafan

Penghargaan dan pengiktirafan kepada anggota yang memberi perkhidmatan cemerlang dan berkualiti terus diadakan di LPP melalui program-program seperti berikut:

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Pada tahun 2008, seramai 244 orang anggota menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang LPP setelah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PSM) LPP. Pemilihan adalah berasaskan kepada sumbangan cemerlang anggota terhadap organisasi LPP, komuniti, daerah, negeri, negara dan peringkat antarabangsa.

- Khidmat Setia

Penghargaan Khidmat Setia diberikan kepada 216 anggota yang tempoh perkhidmatan cemerlangnya dengan LPP selama 25 tahun.

- Meraikan Pesara

Pada tahun 2008, seramai 86 orang anggota LPP dari pelbagai kategori perkhidmatan telah bersara wajib. Bagi menghargai perkhidmatan dan sumbangan yang diberikan oleh mereka, LPP telah mengadakan majlis penghargaan kepada mereka bersempena Majlis Penyampaian Perkhidmatan Cemerlang 2008.

iii. Pembangunan Modal Insan

Pembangunan modal insan terus menjadi agenda utama program pembangunan LPP selaras dengan usaha membentuk individu yang berketerampilan dan berkualiti dalam melahirkan anggota berpengetahuan, berkemahiran serta memiliki integriti yang tinggi. Menyedari bahawa modal insan merupakan aset yang paling penting dalam menentukan hala tuju LPP pada masa hadapan, LPP telah membelanjakan sebanyak RM2.05 juta bagi melaksanakan dua program latihan, iaitu Latihan Anggota LPP dan Latihan Peladang.

Dalam melaksanakan program-program latihan tersebut, LPP menggunakan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 mengenai Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam terutama memberi kursus kepada semua peringkat dan lapisan anggota.

a. Latihan Anggota LPP

Pada tahun 2008, sebanyak 194 kursus telah dianjurkan oleh LPP kepada anggota-anggotanya bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.124 juta. Penekanan dalam setiap modul latihan dan kursus tahun 2008 adalah kepada penerapan kemahiran teknikal dan peningkatan pengetahuan

pengurusan. Anggota LPP turut mengikuti kursus dan latihan yang dianjurkan oleh INTAN, MKM, MOA, MPM dan lain-lain agensi melalui 59 kursus. Bilangan anggota yang mengikuti kursus/latihan pada tahun 2008 adalah seramai 5,043 orang.

Anggota yang melanjutkan pelajaran melalui program cuti belajar bergaji penuh di IPTA dan Institut Pertanian adalah seramai 41. Seramai 10 orang anggota ditawarkan mengikuti pengajian peringkat Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma. Keutamaan bidang pengajian ialah Pertanian, Pentadbiran Perniagaan, Pengurusan Ladang, Pemasaran, Sains Perniagaan tani dan Pengurusan Koperasi.

Mengambil kira perkembangan pesat teknologi pertanian yang menjadi penyumbang kepada transformasi pertanian, LPP telah mengambil inisiatif dengan menghantar seramai 58 orang anggota dalam tahun 2008 untuk menyertai lawatan kerja rasmi dan kursus di luar negara terutamanya di negara-negara yang mengamalkan pertanian berteknologi tinggi seperti Taiwan, Jepun dan China melalui 36 program lawatan ke luar negara. Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan latihan anggota mengikut Negeri bagi tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 7, Jadual 8 dan Carta 5**


Jadual 7
Aktiviti Latihan Anggota Bagi Tahun 2008

Bil	Agihan Kursus	Bil. Kursus	Bil. Peserta
1.	Agihan LPP Negeri	111	2,293
2.	Pengurusan / Teknikal	33	1,825
3.	Komputer / ICT	3	95
4.	Cuti Belajar / Pra-Persaraan	3	3
5.	Induksi / PTK	7	313
6.	Kursus Luar Negara	5	7
7.	Seminar / Bengkel	31	455
8.	Biro Tatanegara	1	52
Jumlah		194	5,043

Jadual 8
Peruntukan Dan Perbelanjaan Latihan Anggota Mengikut Negeri
Bagi Tahun 2008

Bil.	Negeri	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Perlis	18,800.00	18,799.35	100
2	Kedah	64,080.00	64,077.50	100
3	Pulau Pinang	42,500.00	42,102.20	99
4	Perak	56,300.00	56,300.00	100
5	Selangor	19,500.00	19,500.00	100
6	Negeri Sembilan	32,500.00	32,500.00	100
7	Melaka	22,500.00	22,491.52	100
8	Johor	44,380.00	44,380.00	100
9	Pahang	32,400.00	32,225.77	99
10	Terengganu	40,560.00	40,560.00	100
11	Kelantan	38,000.00	38,000.00	100
12	Sabah	58,840.00	58,837.00	100
13	W.P. Labuan	21,500.00	21,459.05	100
14	Ibu pejabat	633,130.00	633,097.98	100
JUMLAH (RM)		1,124,990.00	1,124,330.37	100%

Carta 5
Perbelanjaan Latihan Anggota Mengikut
Negeri Tahun 2008



b. Latihan Peladang

Ke arah mewujudkan peladang progresif, LPP telah membelanjakan sebanyak RM0.923 juta untuk melaksanakan Latihan Peladang. Peruntukan dan perbelanjaan latihan peladang mengikut negeri bagi tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 9**, **Jadual 10** dan **Carta 6**. Seramai 9,738 orang peladang telah dilatih melalui penganjuran 159 kursus yang diadakan dalam pelbagai bidang seperti teknikal, pengurusan dan motivasi.

Jadual 9
Aktiviti Latihan Peladang Bagi Tahun 2008


Bil	Agihan Kursus	Bil. Kursus	Bil. Peserta
1.	Agihan LPP Negeri	136	8,427
2.	Pengurusan / Teknikal	9	217
3.	Komputer / ICT	3	90
4.	Pembangunan Insan / Motivasi	-	-
5.	Penempatan Peladang (kursus Sangkut)	9	189
6.	HPPNK / Konvensyen Peladang	1	814
7.	Seminar / Bengkel	-	-
8.	Kursus / Lawatan Luar Negara	1	1
9.	Perbelanjaan Lain	-	-
Jumlah		159	9,738



Jadual 10
Peruntukan Dan Perbelanjaan Latihan Peladang Mengikut Negeri
Tahun 2008

Bil.	Negeri	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Perlis	39,500.00	39,495.00	100
2	Kedah	43,000.00	42,996.00	100
3	Pulau Pinang	48,000.00	48,000.00	100
4	Perak	52,900.00	52,900.00	100
5	Selangor	33,000.00	33,000.00	100
6	Negeri Sembilan	53,000.00	53,000.00	100
7	Melaka	28,000.00	27,997.00	100
8	Johor	38,000.00	38,000.00	100
9	Pahang	43,000.00	42,715.00	99
10	Terengganu	28,500.00	28,500.00	100
11	Kelantan	57,000.00	57,000.00	100
12	Sabah	33,000.00	32,993.00	100
13	W.P. Labuan	18,000.00	17,754.00	99
14	Ibu pejabat	411,000.00	408,807.47	99
JUMLAH (RM)		925,900.00	923,157.47	99.70%

Carta 6
Perbelanjaan Latihan Peladang Mengikut
Negeri Tahun 2008



c. Menaiktaraf Institut Pengurusan Peladang (IPP)

Dalam tahun 2008, LPP telah membelanjakan sebanyak RM1.248 juta untuk menyelenggara dan menaiktaraf lima buah IPP yang terletak di Langkawi, Sungai Petani, Rompin, Machang dan Johor Bharu dengan menggunakan peruntukan sumber dalaman IPP. Butiran Perbelanjaan mengikut IPP adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Perbelanjaan Penyelenggaraan dan Menaiktaraf IPP
Tahun 2008

IPP	Perbelanjaan (RM)
IPP Langkawi	599,780
IPP Sungai Petani	110,340
IPP Rompin	67,500
IPP Machang	150,190
IPP Johor Bahru	320,543
JUMLAH	1,248,353

Rajah 1
Kedudukan Institut Pengurusan Peladang (IPP)
Lembaga Pertubuhan Peladang




FUNGSI SEBAGAI AGENSI PEMBANGUNAN

FUNGSI SEBAGAI AGENSI PEMBANGUNAN

Tugas pembangunan LPP adalah untuk menyokong pelaksanaan Dasar Pertanian Negara ke-3 (1998-2010). Jumlah peruntukan pembangunan LPP diluluskan di bawah RMKe-9 adalah RM245.6 juta untuk melaksanakan 12 program yang merangkumi 24 subprojek pembangunan. Bagi tahun 2008, sebanyak RM60.96 juta telah diperuntukan bagi projek-projek pembangunan.

Pelaksanaan program-program pembangunan LPP adalah melalui PP yang berperanan menggembeng peladang-peladang dan menyelaraskan serta menyediakan perkhidmatan yang diperlukan oleh peladang. LPP memberi penekanan kepada program-program seperti di **Rajah 2** dengan matlamat untuk memoden dan mentransformasi masyarakat peladang ke arah melahirkan peladang progresif yang dapat menyumbang sebagai pengeluar makanan negara.

Rajah 2
Teras pembangunan LPP dalam Rancangan Malaysia Kesembilan



PROGRAM PENGELUARAN LADANG

Program Pengeluaran Makanan Asas LPP adalah bertujuan untuk mengeluarkan bahan makanan asas dalam negara. Ianya selaras dengan dasar kerajaan untuk mengurangkan pergantungan kepada bahan makanan import. Pelaksanaan program adalah dengan membangunkan tanah-tanah kepunyaan PP dan tanah-tanah ahli dengan projek-projek yang telah dikenalpasti. Dalam melaksanakan program ini pihak LPP dan PP menggunakan saluran MOA Inc untuk mendapatkan kerjasama dan bantuan diperlukan daripada Jabatan/Agensi teknikal supaya projek tersebut dapat dilaksanakan dengan baik.

Dalam tahun 2008, LPP bersama Jabatan/Agensi teknikal telah berjaya mengadakan 26 'Standard Operating Procedure' (SOP) bagi komoditi tanaman, ternakan dan akuakultur untuk digunakan oleh PP dan ahli-ahlinya sebagai panduan dalam melaksanakan projek berkaitan. LPP mengambil pendekatan baru dengan melaksanakan projek mengikut komoditi

yang terpilih. Komoditi tumpuan adalah komoditi yang tidak bermusim serta mengeluarkan hasil sepanjang tahun. Pelaksanaan projek adalah melalui konsep 'value chain/supply chain' adalah iaitu meliputi dari aktiviti penyediaan benih hinggalah kepada aktiviti lepas tuai. Melalui konsep ini projek yang dilaksanakan akan memberi jaminan kejayaan lebih kepada LPP dan PP.

Program Pengeluaran Makanan Asas dilaksanakan meliputi projek-projek pengeluaran padi, pengeluaran sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan komersil dan akuakultur. LPP membelanjakan RM7.2 juta dalam tahun 2008 untuk pembiayaan projek-projek tersebut melibatkan keluasan 47,588 hektar yang terdiri daripada 43,205 hektar tanaman padi, 1,245 hektar tanaman sayur-sayuran, 2,838 hektar tanaman buah-buahan terpilih dan 300 hektar bagi projek-projek akuakultur. Jumlah hasil pengeluaran dari semua projek tersebut ialah RM396.02 juta dengan melibatkan 21,579 orang ahli seperti dinyatakan pada **Jadual 12**.

Jadual 12
Nilai Pengeluaran Makanan Asas Tahun 2008

Bil.	Jenis Komoditi	Saiz (ha)	Kuantiti (mt)	Nilai (RM)	Bil. Peserta
1.	Padi (ha)	43,205	172,820	172,491,642	16,509
2.	Buah-buahan (ha)	2,838	41,756	32,860,776	2,120
3.	Sayur-sayuran (ha)	1,245	31,125	41,427,375	1,398
4.	Ternakan Komersil	-	37,673	130,978,800	1,252
5.	Akuakultur (ha)	300	2,608	18,260,000	300
JUMLAH		47,588	285,982	396,018,593	21,579

Teknologi terkini telah digunakan dalam pelaksanaan dan pengurusan projek-projek tersebut bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil ladang. Hasil pengeluaran berjaya dipasarkan apabila mencapai piawaian-piawaian seperti SALM, SLAM, HACCP, GAP disamping memberi penekanan kepada amalan pertanian mesra alam sekitar. Bagi tujuan pemindahan teknologi, LPP telah menjalinkan kerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan dalam mengenalpasti jenis teknologi, kaedah serta aktiviti pemindahan teknologi terkini bagi komoditi padi, sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan komersil dan akuakultur yang dapat dilaksanakan oleh para peladang.

i. Komoditi Padi

a. Projek Estet Padi

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras negara ke tahap 90% menjelang 2010, LPP terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek pengeluaran padi secara mini estet (MEP) atau kelompok yang dilaksanakan oleh PPK dengan penglibatan dan pengemblengan ahli-ahli di unit peladang.

Sehingga akhir tahun 2008, LPP menerusi 62 buah PPK berjaya mengusahakan projek MEP dengan keluasan bertanam berjumlah 43,205 hektar dengan melibatkan 33,143 peserta dengan pencapaian purata hasil 4.27 metrik tan sehektar seperti yang dinyatakan pada Jadual 13. Pada tahun 2008, LPP telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM1.47 juta mana 85% daripada peruntukan tersebut adalah untuk pelaksanaan projek ladang benih padi sah di 22 PPK dan selebihnya adalah untuk projek pengeluaran padi/beras di lima buah PPK.

Jadual 13
Hasil Pengeluaran Projek Mini Estet Padi
Bagi Tahun 2008

Musim	PPK (Bil)	Peruntukan	Luas Fizikal (Ha)	Luas (Ha) bertanam	Sasaran Luas (Ha) Bertanam	Peserta (Bil)	Hasil		
							Kuantiti	Nilai	Purata
Musim Utama (2007/2008 Sept 07 – Mac 08)	62	-	20,557.50	20,557.00	20,557.50	15,794	96,325.00	53,646,588	4.27
Luar Musim (1/2008) April 08 – Ogos 08	53	1,426,800	20,557.50	20,648.00	20,557.50	17,394	88,057.00	77,926,270	4.26
Jumlah	62	1,426,800	41,115	43,205	41,115	33,143	184,382	131,608,858	4.27

b. Projek Padi Ke Arah 10 MT/ha

Program ini bertujuan meningkatkan hasil pengeluaran padi kearah 10 MT/ha melalui penggunaan input pertanian dan kaedah pengurusan projek yang terbaik. Penekanan diberi kepada penggunaan pakej teknologi terkini bagi tanaman padi serta mematuhi amalan pertanian baik yang diperkenalkan.

Projek ini dilaksanakan melalui tiga (3) kaedah pembiayaan iaitu bantuan dalam bentuk geran langsung bagi musim pertama projek, bantuan geran 50% dan

pinjaman 50% bagi musim kedua projek dan pinjaman 100% bagi musim ketiga dan seterusnya. Pelaksanaan projek telah bermula pada musim 2/2006 dan berterusan untuk enam musim sehingga musim 1/2009.

Pada tahun 2008, sebanyak 21 buah PPK terlibat dalam projek ini dengan menggunakan sumber pembiayaan dalam bentuk pinjaman tanpa faedah. Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2008 adalah 2,318 hektar dengan hasil pengeluaran padi sebanyak 16,226 MT (2 musim) pada kadar 4.0 MT/ha. Langkah-

langkah untuk meningkatkan hasil padi kearah 10MT/Ha akan diteruskan melalui kaedah pengurusan ladang secara sistematik dan berkesan.

c. Pengeluaran Benih Padi Sah

Kerajaan telah menetapkan supaya projek tanaman padi hendaklah menggunakan benih padi sah daripada pengeluaran-pengeluar yang dilantik. Langkah tersebut bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti tanaman padi. Pihak Kerajaan telah meluluskan sebanyak 5,000 MT kuota benih padi sah daripada 74,000 MT kepada PPK Lahar Bubu untuk pengeluaran benih padi sah. Program pengeluaran benih padi sah PPK Lahar Bubu melibatkan 28 PPK lain yang menguruskan ladang benih dengan keluasan 2,275 hektar meliputi empat (4) buah negeri. Semua hasil ladang benih tersebut dihantar ke loji benih padi PPK Lahar Bubu untuk pemprosesan pengeluaran benih padi sah.

Sehingga akhir tahun 2008, sebanyak 4891.52 MT (97.8%) berbanding 5,000 MT kuota benih padi sah berjaya dikeluarkan dengan nilai yang sebanyak RM 6,848,128.

ii. Komoditi Sayur-sayuran dan Tanaman Kontan

LPP memberi tumpuan kepada pengeluaran sayuran terpilih seperti cili, ubi keledek, jagung, tomato, labu manis dan cendawan. Ahli peladang/peserta diberi bantuan pembiayaan projek sayur-sayuran meliputi kemudahan prasarana, peralatan dan input pada pusingan pertama serta khidmat nasihat bagi meningkatkan hasil pengeluaran sayuran oleh PP dan usahawan.

Pada tahun 2008, LPP membelanjakan RM2.49 juta untuk membiayai 28 projek sayur-sayuran dan tanaman kontan seluas 617.46 hektar dengan melibatkan 584 peserta. Kuantiti pengeluaran sayur-sayuran dan tanaman kontan sebanyak 16,495.2 MT bernilai RM22.9 juta, seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Hasil Pengeluaran Komoditi Sayur-sayuran dan Tanaman Kontan

Jenis Komoditi	Tahun 2008			
	Saiz / Hektar	Bil. Peserta	Kuantiti Pengeluaran (MT)	Nilai Pengeluaran (RM)
Jagung	85.16 ha	76	2,044	4,087,680
Cili	8 ha	32	619.2	2,486,400
Tomato	37,000 beg	3	185	740,000
Cendawan	30,000 bngkh	1	63	210,000
Vitato	180 ha	95	9,000	9,000,000
Ubi Keledek	12.1 ha	3	484	484,000
Sayuran Campuran	318 ha	361	3,816	5,724,000
Ubi Kayu	14.2 ha	13	284	170,000
Jumlah	617.46	584	16,495.2	22,902,080

iii. Komoditi Ternakan Komersil

Sebanyak RM1.259 juta telah dibelanjakan bagi membiayai 24 buah projek ternakan komersil melibatkan 116 orang usahawan. Tumpuan adalah kepada pengeluaran baka ternakan kambing pedaging dalam usaha membantu negara menangani masalah kekurangan baka kambing. Projek ternakan ayam pedaging dan lembu pedaging terus dilaksanakan dengan beberapa penambahbaikan dilakukan terutamanya dari segi penggunaan teknologi terkini dan kaedah pengurusan terbaik. Hasil pengeluaran ternakan bagi tahun 2008 adalah di **Jadual 15**.



Jadual 15
Hasil Pengeluaran Ternakan
Bagi Tahun 2008

Jenis Ternakan	Peruntukan	Bil. Projek	Bil. Usahawan	2008	
				Kuantiti Pengeluaran (MT)	Nilai Pengeluaran (RM)
Ayam	312,000	3	15	34,396 (33,212)	109,119,600 (102,368,200)
Lembu	108,000	1	10	3,064 (2,766)	19,303,200
Kambing	839,000	20	91	213 (144)	2,556,000 (1,727,491)
Jumlah	1,259,000	24	116	37,673 (36,122)	130,978,800 (120,674,491)

iv. Komoditi Akuakultur

Pelaksanaan projek akuakultur adalah melibatkan penyediaan kemudahan asas bagi projek-projek baru yang dikenalpasti berpotensi dibangunkan selain turut membesarkan projek sedia ada dengan meningkatkan penggunaan teknologi, kemudahan infrastruktur dan kemahiran pengurusan.

Dalam tahun 2008, LPP membelanjakan RM5.86 juta untuk membiayai dan memantapkan projek sedia ada yang melibatkan 116 kolam ternakan, 100 sangkar

laut dan 96 tangki simen. Sehingga kini LPP telah membangunkan 665 kolam ternakan (air tawar dan laut), 1,524 sangkar (air tawar dan laut) dan 711 tangki (kanvas dan simen) melalui 52 projek akuakultur PP di seluruh negara. Hasil pengeluaran akuakultur bagi tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 16**.

Disamping itu, PP memperkenalkan penggunaan teknologi EM (Effective Microorganisms) bagi semua projek ternakan ikan siakap kolam tanah PP secara berperingkat bagi meningkatkan hasil pengeluaran.

Jadual 16
Hasil Pengeluaran Akuakultur Bagi Tahun 2008

Jenis Akuakultur	Peruntukan (2006-2008)	Bil. Projek	Saiz	2008	
				Kuantiti Pengeluaran (MT)	Nilai Pengeluaran (RM)
Udang dan Ikan Laut 154 Kolam	6,258,880	16	116 ha 154 Kolam 1,276 sangkar	1,009 (783.9)	10,090,000 (7,946,000)
Udang Galah	2,882,300	9	98 ha 249 kolam	99 (99.36)	2,970,000 (2,484,000)
Ikan Air Tawar	3,475,400	23	50 ha 235 kolam 248 sangkar	1,500 (1,114)	4,500,000 (4,579,584)
Asuhan Benih Ikan	570,000	4	711 tangki	700,000 ekor (-)	7,00,000 (1,600,000)

Note : () Angka Tahun 2007

v. Komoditi Buah-buahan

Projek pengeluaran buah-buahan diteruskan dalam tahun 2008 dengan memberi tumpuan kepada komoditi buah-buahan yang tertentu melalui konsep 'value chain'. Projek buah-buahan yang diberi keutamaan ialah nangka, betik, nenas, jambu batu, pisang, belimbing dan mangga. Penglibatan lebih ramai ahli dan unit peladang dalam pengeluaran dan pembangunan industri buah-buahan dipergiatkan dengan menyediakan kemudahan infrastruktur asas pertanian, khidmat nasihat dan input pertanian. Pendekatan pelaksanaan projek dibuat melalui pembukaan tanah baru dan pembangunan tanah milik PP dan ahli secara kelompok di bawah pengurusan PP.

Untuk tahun 2008, sejumlah RM1.041 juta diperuntukan bagi membangunkan projek pengeluaran buah-buahan yang melibatkan kawasan seluas 223.74 hektar dan 103 peserta. Kuantiti pengeluaran projek buah-buahan Sehingga tahun 2008 yang diuruskan oleh PP sebanyak 15,259 MT bernilai RM16.99 juta dan melibatkan 1,432 orang peserta. Hasil pengeluaran buah-buahan sehingga tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 17**.



Jadual 17
Hasil Pengeluaran Komoditi Buah-buahan
Dari Tahun 2006 Hingga 2008

Jenis Komoditi	Saiz/ Hektar	Bil.Peserta	Kuantiti (MT)	Nilai Pengeluaran (RM)
Belimbing	16	1	151	151,200
Betik	115	61	2,155	2,801,500
Jambu	37	1	1,083	2,166,780
Mangga	242	279	26	39,000
Nangka	727	904	1,284	770,472
Nenas	217	156	8,897	8,897,160
Pisang	116	32	1,663	2,162,160
JUMLAH	1,470	1,432	15,259	16,988,272

vi. Program Pembangunan Zon Pengeluaran Makanan

Pembangunan lapan (8) Zon Pengeluaran Makanan (ZPM) di mulakan semenjak tahun 1997 di kawasan seluas 3,234 hektar di Negeri Johor. Pelaksanaan projek tanaman buah-buahan terpilih dibuat melalui konsortium PPK-PPK di Negeri Johor dan perkongsian antara PPK dengan syarikat swasta. Seluas 2,439 hektar daripada 3,234 hektar atau 75 peratus didapati sesuai ditanam dengan buah-buahan seperti pulasan, rambutan, pisang, nanas, jambu batu, buah naga, durian belanda dan nangka. Sehingga akhir tahun 2008, seluas 1,335 hektar (54.7%) daripada 2,439 hektar berjaya dibangunkan melibatkan 82 orang usahawan dan 29 buah Pertubuhan Peladang (PP) termasuk Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ).

vii. Projek Ladang Rakyat

Projek Ladang Rakyat berkonsepkan 'hectare equivalent' diperkenalkan oleh PPN Johor mulai tahun 2006 untuk menggalakkan ahli-ahli 28 buah PPK mengusahakan tanaman buah-buahan terpilih bagi memenuhi keperluan kilang memproses buah-buahan kepunyaan PPNJ.

PPNJ membekalkan benih buah-buahan berkualiti, sementara keperluan seperti baja, racun, penyediaan tanah dan penyelenggaraan tanaman adalah ditanggung oleh peserta projek. Bagi tahun 2008, LPP membelanjakan RM110,000 bagi projek ini dengan melibatkan 265 peserta dan keluasan 48.58 hektar. Projek Ladang Rakyat ini telah diperluaskan ke negeri-negeri lain seperti Kelantan, Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan. Seperti dinyatakan di **Jadual 18**

Jadual 18
Perlaksanaan Projek Ladang Rakyat Sehingga
Tahun 2008

Negeri	Sehingga Tahun 2008			
	Jenis Komoditi	PP Terlibat	Saiz / Hektar	Bil. Peserta
Johor	Buah-buahan	22	275.11	1207
Melaka	Nangka	5	79	300
Kelantan	Nangka	1	10	150
Pahang	Nangka	8	184	304
N. Sembilan	Nangka	2	24.69	84
Jumlah		37	572.80	2,045

viii. Projek Berimpak Tinggi (High Impact Project)

LPP terlibat dalam pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi di bawah projek ladang kontrak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Projek HIP disasarkan agar dapat menyumbang kepada peningkatan pengeluaran bahan makanan dalam

negara dan mengurangkan defisit dalam imbangan perdagangan makanan negara. Pada tahun 2008, sasaran pelaksanaan ladang kontrak bagi tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran di bawah LPP adalah seperti **Jadual 19**.

Jadual 19
Sasaran Pencapaian Ladang Kontrak di Bawah LPP
Sehingga 31 Disember 2008

Jenis Komoditi	Saiz (hektar)	Bil. Peserta (Org)	Sasaran MOA Saiz (Hektar)	Sasaran MOA (Bilangan Peserta)	Pencapaian Keluasan Dariapada Sasaran MOA (%)
Buah-buahan	1,413	1,100	3,300	2,714	42.81
Sayur-sayuran	619	447	700	478	88.42
Jumlah	2,032	1,547	4,000	3,192	50.80 %

PROGRAM PEMBANGUNAN PELADANG

Program Pembangunan Peladang yang dilaksanakan oleh LPP bertujuan merealisasikan hasrat Kerajaan menjadikan aktiviti pertanian sebagai perniagaan. Matlamat program ini adalah untuk menjadikan peserta dan ahli PP sebagai usahawan peladang moden yang mampu menguruskan aktiviti mereka dengan cekap dan berdaya saing. Pelaksanaan Program Pembangunan Peladang memberi impak kepada peningkatan pendapatan dan pengeluaran makanan. Terdapat tiga (3) subprogram yang dilaksanakan oleh LPP di bawah Program Pembangunan Peladang iaitu Program Pembangunan Usahawan Peladang (PUP), Program Pembangunan Manusia Asas Komoditi (PMAK) dan Program Pembangunan Unit Peladang.

i. Program Pembangunan Usahawan Peladang (PUP)

Program PUP dilaksanakan dengan tujuan mewujudkan usahawan peladang moden yang mampu menguruskan aktiviti pertanian mereka dengan cekap selaras dengan slogan "Pertanian Adalah Perniagaan". Melalui program ini, LPP telah berjaya melahirkan usahawan peladang yang berpengetahuan, berkemahiran dan berinovatif serta mampu bersaing. Usahawan peladang adalah mereka yang memperoleh pendapatan RM3,000 keatas sebulan daripada aktiviti perniagaantani yang dijalankan.

Di bawah RMKe-9, LPP berjaya mewujudkan 867 usahawan peladang di bawah program PUP baru sehingga tahun 2008. Ini menjadikan jumlah usahawan peladang sejak RMKe-6 seramai 2,191 orang yang terlibat dalam pengeluaran, pemprosesan dan perkhidmatan. LPP membelanjakan RM 8 juta pada tahun 2008 untuk pelbagai projek pertanian melibatkan 351 orang usahawan peladang. Sejumlah 9 kursus teknikal bagi meningkatkan budaya keusahawanan telah dilaksanakan oleh LPP dalam tahun 2008 melibatkan seramai 181 orang usahawan. Di samping itu, di bawah Program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), empat siri kursus teknikal berjaya dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melibatkan seramai 68 orang. Kuantiti pengeluaran keseluruhan usahawan peladang adalah sebanyak 25,926 metrik tan pelbagai produk dengan nilai RM 111.45 juta. Bilangan Usahawan Peladang diwujudkan dibawah Program PUP sehingga 31 Disember 2008 adalah seperti **Jadual 20**.

Jadual 20
Bilangan Usahawan Program PUP Sehingga 31 Disember 2008

BIL SEKTOR	BILANGAN USAHAWAN (Org)					
	Sektor	RMK6	RMK7	RMK8	RMK	JUMLAH
1.	Tanaman	300	87	98	172	657
2.	Ternakan	88	136	89	455	768
3.	Akuakultur	29	34	54	98	215
4.	Pemprosesan	87	41	58	101	287
5.	Perkhidmatan	93	63	67	41	264
Jumlah Besar		597	361	366	867	2,191

Bilangan usahawan peladang di kalangan ahli-ahli PPK sehingga tahun 2008 berjumlah 5,223 orang. Jumlah keseluruhan bilangan usahawan peladang berjaya diwujudkan adalah 7,414 orang berbanding sasaran 10,000 orang dibawah RMKe-9 seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Bilangan Usahawan Peladang Sehingga Tahun 2008

Bil	Perkara	Jumlah (org)
1	Usahawan PPK	5,223
2	Usahawan PUP	2,191
Jumlah		7,414

ii. Program Pembangunan Manusia Asas Komoditi (PMAK)

LPP meneruskan pelaksanaan Program Pembangunan Manusia Asas Komoditi (PMAK) yang berkonsepkan pembangunan modal insan dan pembangunan komoditi-komoditi terpilih bagi melahirkan masyarakat peladang moden. Tumpuan pelaksanaan program adalah kepada kawasan-kawasan yang terdapat peladang yang berpendapatan rendah tetapi berpotensi untuk dibangunkan dengan projek yang dapat menambah serta meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup peladang terlibat.

Dalam tahun 2008, sejumlah RM 450,000 dibelanjakan bagi melaksanakan 12 buah projek ekonomi di unit peladang melibatkan seramai 33 orang peserta. Projek-projek tersebut menghasilkan pengeluaran sebanyak 878 metrik tan dengan nilai RM912,517. Faedah tidak langsung daripada program ini dapat dinikmati oleh 1,212 orang penduduk disekitar lokasi projek. Ianya dapat memberi purata tambahan pendapatan kepada peserta dari RM 500 hingga RM 800 sebulan.

Bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta program, LPP telah menganjurkan enam (6) kursus motivasi dan teknikal yang melibatkan seramai 145 orang peserta pada tahun 2008.

iii. Program Pembangunan Unit Peladang

Program Pembangunan Unit Peladang bermatlamat untuk memperkasakan peladang-peladang di kalangan Kumpulan Pengeluar (KP), Kumpulan Peladang Muda (KPM) dan Kumpulan Peladang Nita diperingkat unit peladang.

Pada tahun 2008, peruntukan berjumlah RM 450,000 dibelanjakan di tujuh (7) buah unit peladang dengan sembilan (9) projek melibatkan seramai 54 peserta dan empat

kursus yang melibatkan seramai 350 orang peserta.

PROGRAM KEJENTERAAN LADANG

i. Bekalan Jentera Dan Peralatan

Dalam melaksanakan transformasi pertanian moden, LPP melalui Bahagian Jentera Pertubuhan Peladang Negeri (PPN Jentera) telah menyediakan perkhidmatan mekanisasi ladang bagi tujuan pembajakan dan penuaian padi kepada para peladang.

Sehingga tahun 2008, terdapat 16 buah pusat perkhidmatan mekanisasi ladang yang menyediakan perkhidmatan pembajakan, penuaian padi, pembinaan parit ladang dan bengkel pembaikan jentera. Bagi meningkatkan keupayaan perkhidmatan jentera, sebanyak RM66.15 juta telah dibelanjakan dalam tahun 2008 dibawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara bagi pembelian 477 unit traktor, 162 unit jentuai, 877 unit peralatan pertanian.

Bagi tahun 2008, bilangan petani yang mendapat khidmat mekanisasi ladang berjumlah 86,074 orang dengan keluasan kawasan dibajak seluas 50,293 hektar dan penuaian padi seluas 35,066 hektar. Sehingga tahun 2008, jumlah traktor dan jentuai sedia ada dan beroperasi di 16 buah PPN Jentera ialah sebanyak 268 buah traktor dan 106 buah jentuai bagi yang menyediakan perkhidmatan berkenaan.

Selaras dengan saranan Kerajaan supaya kerja penanaman padi diusahakan secara moden, LPP telah menyediakan jentera-jentera penanam padi (jentanam) melalui PPK. Kaedah menggunakan jentanam dapat mengurangkan masalah kesukaran mendapat tenaga buruh, mengatasi masalah padi angin serta ancaman serangan oleh siput gondang.

Dalam tahun 2008, sejumlah 126 buah jentera penanam padi (jentanam) telah diperuntukan untuk melaksanakan projek pengeluaran benih padi dibawah DJBM.

ii. Perkhidmatan Lepas Tuai

Perkhidmatan lepas tuai melibatkan rangkaian aktiviti dari peringkat penuaian, pengangkutan ladang, penggredan, pembungkusan, pengawalan kualiti, penyimpanan, pemprosesan awal dan pengagihan. LPP memberikan penekanan kepada perkhidmatan pengangkutan, pusat pengumpulan hasil ladang, penyimpanan dan penggredan bagi mengelakkan kerosakan dan kehilangan lepas tuai yang tinggi sehingga boleh memberi kesan kepada pendapatan peladang.

a. Pengangkutan Dan Pengedaran Hasil Ladang

Aktiviti pengangkutan dan pengedaran dilaksanakan dalam urusan mengangkut hasil ladang keluaran ahli PP ke pusat pengumpulan, pusat pemprosesan, pusat pemasaran dan ke kilang. Di samping itu, kemudahan pengangkutan diperlukan untuk penghantaran input pertanian seperti baja subsidi, racun, benih dan sebagainya di peringkat PP.

Sehingga tahun 2008, LPP menyediakan 582 buah lori kepada PP bagi tujuan pengangkutan dan pengedaran hasil ladang ahli PP. Manakala, PP turut menyewa 278 buah lori dari pihak luar samada milik ahli PP dan pihak swasta untuk menampung keperluan aktiviti pengangkutan dan pengedaran yang meningkat bagi aktiviti bermusim dan pada masa-masa kritikal.

Pada tahun 2008, jumlah muatan mengikut komoditi diangkut oleh PP adalah sebanyak 861,602 MT dan memberikan faedah kepada 147,062 peladang seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Muatan Mengikut Komoditi Di Angkut Oleh Pertubuhan Peladang
Bagi Tahun 2008

Bil.	Komoditi	Muatan diangkut (MT)	Bil.Peladang (org)
1.	Pemasaran Padi	222,744	18,628
2.	Pemasaran Ayam	9,200	477
3.	Pemasaran Buah-buahan	743	361
4.	Pemasaran Akuakultur	6,219	1,427
5.	Input Pertanian	75,016	68,863
6.	Barang Proses	7,485	5,410
7.	Pemasaran Kelapa Sawit	389,455	13,874
8.	Aktiviti Lain-lain	150,740	38,022
JUMLAH		861,602	147,062


b. Aktiviti Lepas Tuai

Pada tahun 2008, sejumlah RM720,000 dibelanjakan bagi menyediakan kemudahan pusat-pusat pengumpulan hasil ladang, pusat penyimpanan serta pusat penggredan dan pembungkusan. Sehingga tahun 2008, sebanyak 106 buah pusat pengumpulan, penyimpanan dan penggredan diwujudkan di 75 buah PP yang memberi manfaat kepada 65,553 peladang. Pusat ini mengendalikan sejumlah 660,197 MT hasil ladang bernilai RM323.8 juta seperti di **Jadual 23** dan peratusan aktiviti lepas tuai mengikut isipadu pengendalian di **Carta 7**.

Jadual 23
Ringkasan Keseluruhan Aktiviti Lepas Tuai
Sehingga Disember 2008

Bil	Jenis Aktiviti Lepas Tuai	Bil Pusat	Bil PP Terlibat	Impak		
				Bil Peladang (org)	Isipadu Pengendalian (MT)	Nilai (RM)
1	Pusat Pengumpulan	84	63	49,519	544,589	271,884,229
2	Pusat Penyimpanan	10	7	9,416	12,850	24,990,936
3	Pusat Penggredan/ Pembungkusan	12	5	6,618	102,757	26,970,608
JUMLAH		106	75	65,553	660,197	323,845,773

Carta 7
Pecahan Peratusan Aktiviti Lepas Tuai
Mengikut Isipadu Pengendalian (MT)



ii. Skim Pemilikan Jentera Dan Peralatan Kecil Untuk Peladang

Skim Pemilikan Jentera Dan Peralatan Kecil Peladang yang diperkenalkan oleh LPP adalah satu usaha untuk menggalak

dan meningkatkan pemilikan jentera dan peralatan kecil di kalangan peladang. Skim ini dijangka dapat memenuhi hasrat kerajaan bagi mentransformasi sektor agro-makanan menjadi moden, maju dan berdaya saing.

Kaedah pelaksanaan skim dibuat secara 'matching grant' pembelian jentera dan peralatan kecil pertanian yang diperlukan oleh peladang. LPP membiayai 50% atau RM5,000 dari harga jentera dan peserta/peladang menampung baki 50% dari harga jentera tersebut.

Keutamaan pembiayaan diberikan kepada peserta-peserta yang terlibat dalam projek kelompok, mini estet, ladang kontrak, projek padi ke arah hasil padi 10 metrik tan/hektar, ZPM, ZIA dan lain-lain.

Dalam tahun 2008, skim ini diperuntukan dibawah Program DJBM sebanyak RM6.0 juta.

Nilai Jentera yang berjaya dibeli dan dimiliki adalah RM12.8 juta bagi di dimanfaatkan oleh 2,670 peserta.

Jentera-jentera yang dibekalkan terdiri daripada pelbagai jenama seperti Pembajak Dua (2) Roda, Traktor Empat (4) Roda (Terpakai), pelbagai Penyembur Racu/Baja Bermotor, pam air, generator, mesin perincih / chopper pemotong makanan ternakan, mesin pemotong rumput (projek padi sahaja), implement/perkakasan traktor, mini tiller dan lain-lain jentera yang bersesuaian dengan projek pengeluaran pertanian (tanaman, ternakan dan ternakair) yang diusahakan oleh peladang.

iv. Skim Sewa Pajak Tanpa Faedah (SSPTF) Untuk Jentera Pertanian Dan Pengangkutan PP

LPP menyediakan kemudahan SSPTF untuk PP memiliki jentera, kenderaan pengangkutan dan peralatan jentera diperlukan. Sehingga Disember 2008, sebanyak 79 buah kenderaan dan peralatan dibeli oleh PP dibawah SSPTF dengan nilai pembiayaan sebanyak RM6.64 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.70 juta dibelanjakan untuk pembelian 12 buah lori pengangkutan, 1 traktor dan 1 alat ganti jentera.

v. Pembangunan Industri Asas Tani (IAT)

Program Industri Asas Tani (IAT), dilaksanakan melalui projek Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada ahli PP dan Program Satu Unit Peladang Satu Industri kepada kelompok dan pengusaha IKS. Tujuan projek adalah untuk melibatkan PP dan pengusaha dalam aktiviti menambah nilai produk IKS seperti menggunakan teknologi terbaik, penjenamaan, peningkatan kualiti, pembungkusan, pengeluaran teratur, mempunyai ciri-ciri perbezaan (product differentiation) serta pengiklanan dan promosi agresif. Produk-produk yang telah ditambah nilai mampu

mendapatkan jaminan pasaran, harga yang berpatutan dan pulangan pendapatan yang lebih baik kepada pengusaha.

LPP melaksanakan tiga pendekatan dalam pelaksanaan projek IKS iaitu projek secara korporat oleh PPK, projek kelompok oleh ahli-ahli PPK dan projek usahawan peladang. Peserta-peserta projek diberi bantuan seperti kemudahan infrastruktur, mesin dan peralatan, khidmat nasihat teknikal, risikan pemasaran dan latihan.

Sehingga tahun 2008, sebanyak 900 projek IKS telah berjaya diwujudkan melibatkan penghasilan beras, pemprosesan hasil produk pertanian berasaskan tanaman, ternakan dan perikanan disamping pembuatan minuman dan lain-lain produk makanan dengan nilai pengeluaran berjumlah RM 445.44 juta. Jenis dan klasifikasi aktiviti IKS dibawah PP bagi tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 24** dan pendekatan pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 25**.



Jadual 24
Jenis dan Klasifikasi Aktiviti IKS Di Bawah PP Tahun 2008

Bil	Perkara	Pecahan Aktiviti	Bilangan PP Terlibat	Bilangan Projek
1.	Hasilan beras	Kilang padi dan kilang benih	3	3
2.	Pemprosesan sawit	Kilang kelapa sawit	1	2
3.	Pemprosesan hasil produk pertanian	Kerepek, rempeyek, kuih tradisional, kek, roti, biskut, mee kuning, laksa, karipap, samosa dan roti canai segera	81	158
4.	Hasilan ternakan	Memproses ayam daging dan anak ayam (DOC)	26	34
5.	Hasilan perikanan	Keropok lekor, keropok amplang, bebola ikan dan belacan.	16	26
6.	Hasilan tanaman Lain	Memproses halwa, mempelam jeruk buah-buahan dan tembakau	15	27
7.	Lain-lain produk makanan	Sos cili, kuah rojak, air soya, taufu fa dan kicap	51	59
8.	Pemprosesan rempah ratus/serbuk kari	Kari dan kunyit	9	9
9.	Pemprosesan baja dan keperluan pertanian	Kilang baja sebatian, organik dan kilang plastik pertanian	1	1
10.	Pembuatan minuman	Kopi dan air mineral	13	14
11.	Kraftangan	Kraftangan dan bengkel perabot	3	3
JUMLAH			219	336

Jadual 25
Pendekatan Pelaksanaan Projek-Projek IKS Di Bawah PP Tahun 2008

Bil	Perkara	Bil PP	Bil Projek	Bil Pekerja (org)	Nilai Pengeluaran (RM)
1.	Projek IKS – PP	39	34	543	357,472,018
2.	Projek IKS Ahli Peladang	342	523	1,521	37,625,512
3.	Projek IKS Kelompok/Kumpulan Peladang	212	343	910	50,335,079
JUMLAH		593	900	2,974	445,432,609

vi. Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani Nasional

Di bawah RMKe-9, LPP mensasarkan pembangunan 750 orang usahawan IAT meliputi subsektor tanaman, ternakan, akuakultur dan produk berasaskan beras sebagai projek Berimpak Tinggi yang

diselaraskan oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Pada tahun 2008, LPP berjaya membangunkan sebanyak 479 orang usahawan IAT daripada sasaran yang telah ditetapkan seperti di **Jadual 26**. Projek ini seterusnya dijangka rangkaian pengeluaran dan pemasaran hasil-hasil pertanian.

Jadual 26
Bilangan Usahawan IAT (Projek Berimpak Tinggi Sehingga Tahun 2008)

IAT	Bilangan Usahawan				Jumlah Sehingga 31 Disember 2008
	2005	2006	2007	2008	
Tanaman	158	127	93	28	406
Ternakan	17	3	-	3	23
Akuakultur	21	15	6	2	44
Produk berasaskan beras	18	5	1	-	24
JUMLAH	214	150	100	33	497

PROGRAM KEMUDAHAN PEMASARAN

i. Galakan Pasaran

LPP telah menyertai pelbagai program promosi sepanjang tahun 2008 yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dikalangan pengguna akan kewujudan produk keluaran PP dan ahli dalam pasaran, mengiatkan jualan produk-produk dan sebagainya. Sebanyak 57 ekspo dan program promosi telah disertai di seluruh negara sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat kebangsaan. Di antara program promosi yang disertai oleh LPP adalah seperti Pameran Malaysia International Halal Showcase (MIHAS), MAHA, Hari Peladang, Penternak dan Nelayan, Pameran Satu Daerah Satu Industri, Pameran Makanan Dan Minuman Antarabangsa Malaysia (MIFB), Hari Koperasi Negara, Pameran Perdagangan Antarabangsa Malaysia (INTRADE), Pameran Usahawan Kebangsaan (SME) dan Sebagainya.

Bagi memudahkan usahawan peladang, PP dan ahlinya memasarkan produk dan hasil keluaran mereka kepada pengguna, manakala LPP mewujudkan saluran pemasaran seperti pasar peladang, kedai peladang dan pusat perniagaan peladang yang dioperasikan oleh PP.

a. Pasar Peladang

Pasar Peladang merupakan pasar kekal harian dimana pengeluar iaitu PP, ahli PP, usahawan peladang dan syarikat milik PP membuat jualan terus kepada pengguna. Operasi pasar peladang adalah hampir sama seperti pasar tani anjuran FAMA. Terdapat 10 buah pasar peladang beroperasi di seluruh negara dengan isipadu perniagaan pasar peladang ini berjumlah RM 11,745,743 pada tahun 2008.

b. Kedai Peladang / Runcit

Kedai peladang / runcit adalah merupakan premis milik PP yang menjual barang-barang pengguna dan bekalan ladang kepada ahli PP dengan menyediakan kemudahan kredit kepada ahli. Pada masa kini terdapat 24 buah kedai peladang / runcit di seluruh negara dengan isipadu perniagaan bagi tahun berjumlah RM 17,301,982.

c. Pusat Perniagaan Peladang

Pusat Perniagaan Peladang adalah merupakan kemudahan premis yang diusahakan oleh PP yang menjalankan perniagaan produk hasil pertanian dan produk bukan pertanian. Perniagaan dijalankan merangkumi kedai jualan barang-barang pengguna, kedai input pertanian, kedai jualan hasil-hasil pertanian segar (sayur, ikan, daging dan buah-buahan), kedai makan serta perkhidmatan lain yang dilaksanakan oleh ahli. Pusat perniagaan ini diuruskan oleh Pertubuhan Peladang dan operasi pusat ini dikelolakan oleh usahawan peladang. Sehingga tahun 2008 terdapat 35 buah pusat perniagaan di seluruh negara dengan isipadu perniagaan berjumlah RM 21,126,906.

ii. Kumpulanwang Pinjaman Pertubuhan Peladang (Tabung K3P)

Perkhidmatan ini diwujudkan bagi memberi kemudahan kepada PP untuk membiayai projek-projek ekonomi untuk faedah peladang. Tabung K3P diwujudkan bertujuan untuk menyediakan pinjaman mudah bagi projek-projek dan aktiviti ekonomi PP yang berdaya maju (viable) tetapi tidak memenuhi syarat mendapat kemudahan pinjaman bank.

Dalam tahun 2008, 32 buah projek PP dibiayai melalui Tabung K3P dengan nilai RM16 juta

melibatkan projek mini estet padi, pemasaran padi, input pertanian, awetan tembakau, pemasaran kelapa sawit, kerja kontrak dan tanaman nangka madu.

iii. Bantuan Kerajaan

Program Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras meliputi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Insentif Pengeluaran Padi (Bantuan Input Pertanian dan Pembajakan) dan Insentif Peningkatan Pengeluaran Beras Negara.

Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 1979. Ia melibatkan bantuan baja padi percuma kepada peladang individu yang mengerjakan sawah samada sebagai penyewa atau pemilik, PPK, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang mengusaha dan menyelaraskan pelaksanaan projek estet dan mini estet serta projek-projek kelompok dengan keluasan sawah maksimum 25 ekar (10 hektar) pada kadar bantuan 12 beg baja sebatian dan 4 beg baja urea sehektar. Pada masa ini anggaran petani yang didaftarkan adalah 247,831 orang dengan keluasan sawah dianggarkan 365,750 hektar yang melibatkan 190 PPK di seluruh negara.

Matlamat pemberian bantuan baja padi adalah untuk menghasilkan pengeluaran padi pada tahap sekurang-kurangnya 90% bagi menampung sara diri (self-sufficiency) menjelang tahun 2010 selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3). Insentif Pengeluaran Padi pula diperkenalkan oleh Kerajaan pada Mac 2007 dan diteruskan dalam tahun 2008 bagi mengurangkan bebanan kos yang ditanggung oleh pesawah akibat daripada kenaikan kos diesel dan kos membajak. Bantuan insentif diberi terdiri daripada bantuan upah membajak pada kadar RM100 sehektar semusim dan bantuan input pertanian maksimum RM140 sehektar semusim. Bantuan Input Pertanian

diberi kepada pengusaha tanaman padi dalam bentuk baja organik (zeo organik), baja tambahan NS, penggalak percambahan benih padi, baja semburan dedaun dan tonik tanaman.

Terdapat 190 buah PPK telah dilantik sebagai stokis dan sub-stokis untuk mengurus dan mengedar baja padi. Bekalan input pertanian dibawah bantuan insentif disalurkan kepada pesawah melalui PPK atau stokis yang berdaftar. Manakala bagi insentif pembajakan, pesawah perlu mendapatkan khidmat pembajakan dari pemilik jentera yang berdaftar dengan LPP/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak. Dalam tahun 2008, MoA telah memperuntukan sebanyak RM54,940,000 melibatkan perbelanjaan RM49,711,693 untuk insentif pembajakan kepada pesawah dan RM95,060,000 untuk Insentif Pengeluaran Padi (Bantuan Input Pertanian) melibatkan perbelanjaan RM90,908.117.

Kerajaan memperkenalkan insentif peningkatan pengeluaran beras negara mulai Jun 2008 di bawah sub-projek pembekalan baja NPK tambahan, racun kawalan makhluk perosak dan rumpai serta kapur. Di bawah sub-projek pembekalan baja NPK tambahan kadar disyor 150 kg sehektar dengan anggaran kos RM405 sehektar. Sebanyak enam (6) beg baja tambahan (25kg/beg) setiap hektar semusim akan diberikan kepada pengusaha tanaman padi secara percuma. Bagi kawalan makhluk perosak asas perkiraan diberi dalam bentuk kupon sebanyak maksimum RM200 sehektar. Bagi meningkatkan kesuburan tanah sawah, kapur diberikan pada kadar 3 metrik tan sehektar bagi tempoh tiga (3) tahun dianggarkan bernilai RM970 (termasuk RM250 kos upah mengapur). Dalam tahun 2008, Nilai baja NPK yang diedarkan berjumlah RM298.7 juta, racun RM74 juta dan kapur RM15 juta yang melibatkan 247,766 orang pesawah dengan keluasan 399,011 hektar.

PROGRAM KEMUDAHAN ASAS INSTITUSI

i. Pembangunan Pejabat PPK

Dalam tahun 2008, LPP telah memulakan pembinaan kompleks Ibu pejabat LPP dibawah kawalselia Jabatan Kerja Raya (JKR). Keseluruhan kerja-kerja pembinaan tersebut dijangka siap pada tahun 2010. LPP juga menguruskan pembelian sebuah bangunan untuk pejabat PPK Sandakan di Sabah.

ii. Penyelenggaraan Bangunan Pejabat PPK

Sebanyak RM 893,000 dibelanjakan dalam tahun 2008, bagi kerja-kerja menyelenggara 172 buah PPK, 47 buah Pusat Kemajuan Peladang (PKP) dan 716 buah rumah kakitangan di seluruh negara.

iii. Peningkatan Kemudahan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)

LPP membelanjakan RM 2.6 juta bagi tujuan perolehan perkakasan dan perisian Teknologi Maklumat dan Komunikasi bagi memantapkan sistem komputerisasi di pejabat-pejabat PP. Sistem-sistem tersebut adalah seperti berikut:

a. Sistem Primari Pertubuhan Peladang (SPPP)

SPPP mengandungi 5 modul utama iaitu Sistem Pengurusan Ahli, Sistem Simpanan dan Kredit, sistem Pengurusan Akaun, Sistem Pengurusan Projek dan Sistem Pinjaman. Sistem ini dibangunkan dengan tujuan untuk mempermudah urusan transaksi dan menjana laporan di peringkat PPK. Pelaksanaan sistem telah dijalankan secara berperingkat mulai tahun 2004. Sehingga kini 203 buah PPK telahpun siap dipasang dengan sistem dan telah beroperasi secara masa nyata (real-time).

- b. Sistem Aplikasi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SSBPKP)

Sistem Aplikasi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan telah dipasang dan digunakan oleh 124 buah PPK di seluruh negara. Ianya dibangunkan bagi tujuan merekod maklumat berkaitan pengurusan berkaitan pengedaran baja padi Kerajaan Persekutuan.

- c. Sistem Profil Ahli (SPA)

Sistem Profil Ahli (SPA) diwujudkan bagi tujuan mengemaskini data maklumat ahli PPK dan secara khususnya bagi menyediakan data keahlian di Unit-unit Peladang meliputi maklumat peribadi, aset pertanian ahli dan aktiviti pertanian ahli. Sistem telah dipasang dan digunakan di 203 buah PPK di seluruh negara. Fungsi utama sistem adalah berkaitan kemasukan data, cetakan laporan, pertanyaan data dan analisis data.

- d. Sistem Integrasi Pertubuhan Peladang Negeri Bahagian Jentera (SIPPNJ)

SIPPNJ mengandungi 5 modul iaitu Modul Pengurusan Ahli, Modul Pengurusan Bengkel, Modul Pengurusan Operasi, Modul Pengurusan Akaun dan Modul Pentadbiran Sistem yang bertujuan meningkatkan kecekapan sistem pelaporan prestasi jentera di PPN. SIPPNJ telah dilaksanakan dan digunapakai di empat buah PPN Bahagian Jentera iaitu di Besut, Terengganu, Kota Bharu, Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang.

Tepat, Penggunaan Benih Bermutu dan lain-lain teknologi terkini akan dihebahkan kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan melalui Program Transformasi dan Pemodenan. Pelaksanaan program ini bertujuan memberi kesedaran tentang peluang-peluang yang wujud dalam sektor pertanian dalam usaha menjadikan pertanian adalah perniagaan yang dapat meningkatkan taraf hidup mereka serta mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Program Transformasi dan Pemodenan Peladang yang dilaksanakan di peringkat PPN Negeri dan PPK di seluruh negara yang melibatkan kos sebanyak RM 1 juta ialah seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Program Transformasi dan Pemodenan
Tahun 2008

Bil.	Program
1.	Pemindahan Teknologi
2.	Agensi Pengurusan Peladang
3.	Menyelaras 10 Perkhidmatan PP
4.	Amali dan Pemerhatian
5.	Penerbitan Teknologi Maklumat

- i. Komunikasi Dan Penggemblerangan

Selaras dengan hasrat kerajaan iaitu untuk membangunkan modal insan, penekanan khusus adalah kepada program pembangunan peladang dengan mengadakan aktiviti komunikasi dan penggemblerangan di bawah penyelarasan PP.

PROGRAM TRANSFORMASI DAN PEMODENAN PELADANG

Penemuan-penemuan baru dalam penyelidikan pertanian di dalam dan di luar negara seperti Amalan Pertanian Baik, Perladangan Secara

a. Aktiviti Komunikasi

Komunikasi adalah proses pemberian dan penerimaan maklumat atau mesej. Oleh itu program komunikasi bertujuan untuk menyatupadukan masyarakat peladang melalui Pertubuhan Peladang agar mereka dapat turut sama memahami dasar kerajaan pada masa kini untuk menjadikan sektor pertanian sebagai penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara di samping memberi pendedahan dasar terkini kerajaan dan seterusnya membantu kerajaan merealisasikan hasrat ini. Ianya juga bertujuan mentransformasikan masyarakat peladang untuk menjadikan mereka peladang yang progresif seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28 : Aktiviti-aktiviti Komunikasi

Bil.	Perkara	Aktiviti-aktiviti
1.	Penerbitan Dalaman oleh LPP dan PP	Berita Transformasi, Buletin LPP / Buletin Peladang, Buku Cendara mata / Buku Program, Risalah-risalah dan Fotografi. Laman Web LPP
2.	Penerbitan Dokumentari Video dan Aktiviti	Penggambaran / rakaman berita, Kejayaan Peladang dan Pertubuhan Peladang serta Video Korporat LPP
3.	Program Publisiti di Media Massa	Rencana, Advertorial, Bill Board, Wawancara TV dan Rakaman Langsung, Iklan / Kempen / Promosi / TV Crawler, Slot Dokumentari Radio dan TV, Bahan Berita Radio dan TV, Penerbitan Drama, Berita Dalam Akhbar
4.	Pemantauan Web Aduan, dan Pertanyaan Parlimen	Memberi Maklumbalas Jika Ada Aduan / Pertanyaan dan Menyalurkan Usul kepada Pihak Berkaitan

b. Aktiviti Perjumpaan Peladang Dengan Pemimpin

Perjumpaan yang diadakan bermatlamat supaya para peladang yang digembleng akan dapat bersemuka dengan pemimpin dan seterusnya mendapat informasi terus mengenai dasar-dasar dan arahan kerajaan dalam sektor pertanian negara. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29 : Program Bersama Pemimpin

Bil.	Program	Bilangan Perjumpaan
1.	Bersama Perdana Menteri	2 kali setahun
2.	Bersama Menteri Pertanian	3 kali setahun
3.	Bersama Menteri Besar	6 kali setahun
4.	Bersama Exco Pertanian	6 kali setahun
5.	Bersama Pengerusi LPP	6 kali setahun
6.	Bersama Ketua Pengarah LPP	6 kali setahun
7.	Perjumpaan Pemimpin Peladang dengan Ahli PP dalam Mesyuarat Agung PP (289 PP)	2 kali setahun

c. Aktiviti Perayaan/Pendidikan/Kesenian

Para peladang khususnya ahli-ahli PP akan digembleng untuk menyertai dalam pelbagai sambutan perayaan yang diadakan pada setiap tahun. Antara penganjuran dan penyertaan perayaan yang melibatkan pengemblengan peladang adalah seperti **Jadual 30**.

Jadual 30
Aktiviti Penganjuran/Penyertaan/Kesenian

Bil.	Perkara	Bilangan Penyertaan
1.	Hari Keputeraan YDA/Sultan/Raja	6
2.	HPPN Kebangsaan	1
3.	HPPN Negeri	12
4.	Hari Kualiti Kebangsaan	1
5.	Hari Kualiti Negeri	13
6.	Hari Kebangsaan Peringkat Kebangsaan	1
7.	Hari Kebangsaan Peringkat Negeri	13
8.	Penyertaan Hari Pekerja	1
9.	Penyertaan Maulidur Rasul	1
10.	Hari Makanan Sedunia	1
11.	Pesta Makanan Negeri	13

d. Program Mesra Rakyat

Program Mesra Rakyat adalah bertujuan untuk membolehkan ahli-ahli saling berhubung antara satu dengan yang lain termasuk penglibatan Jabatan/Agensi berkaitan dalam aktiviti yang dianjurkan oleh PP. Antara program yang dianjurkan adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Program Mesra Rakyat

Bil.	Perkara	Bilangan Penyertaan
1.	Hari Bertemu Pelanggan	13
2.	Sukan Peladang	7
3.	Hari Terbuka Pertubuhan Peladang	50
4.	Program Kebajikan/Sosial/ Seni -Gotong Royong Peladang	100
5.	Penyertaan Ekspo/ Pameran	60

ii. Aktiviti Pendidikan

Program pendidikan dilaksanakan bertujuan untuk memberikan kefahaman dan pendedahan mengenai program-program pertanian terkini dan berteknologi. Penglibatan peladang muda dan wanita muda juga diambilkira dalam program ini sebagai generasi pelapis dalam bidang ini.

iii. Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK)

Perayaan HPPNK disambut setiap tahun bermula pada tahun 1975. Sambutan ini mula diadakan selepas Allahyarham Tuan Haji Abdul Razak Hussin, bekas Perdana Menteri mengistiharkan tarikh 6 Ogos setiap tahun sebagai hari Peladang. Namun pada tahun 1983 sambutan Hari Peladang telah ditukar nama kepada Hari Peladang dan Nelayan manakala pada tahun 1987 hingga kini namanya sekali lagi ditukar kepada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan.

Sambutan HPPNK diadakan untuk menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh para peladang, penternak dan nelayan. Sebanyak 18 kategori telah dipertandingkan sempena HPPNK 2008 dan kesemua pemenang akan

menerima hadiah wang tunai dan sijil. Hadiah-hadiah tersebut telah disampaikan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada majlis perasmian MAHA/HPPNK 2008.

Aktiviti-aktiviti sempena perayaan ini adalah seperti berikut :

- (i) Majlis Perasmian.
- (ii) Anugerah Kejayaan Peladang, Penternak dan Nelayan serta Institusi berkaitan.
- (iii) Konvensyen Peladang, Penternak dan Nelayan.
- (iv) Pameran Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- (v) Penggembleran Peladang, Penternak dan Nelayan.
- (vi) Pameran dan Jualan Sektor Swasta.
- (vii) Pameran Jentera dan Peralatan Pertanian.
- (viii) Promosi dan Jualan Hasil-hasil Pertanian, Ternakan, Akuakultur dan Penangkapan Ikan.
- (ix) Demonstrasi dan Pertandingan Masakan Hasil Pertanian.
- (x) Promosi dan Pameran Ikan Hiasan.
- (xi) Pertunjukan/Pameran dan Pertandingan Haiwan Ternakan.
- (xii) Pertandingan Hasil-hasil Pertanian.

Objektif HPPNK 2008

- i. Memupuk semangat dan membaharui azam para peladang, penternak dan nelayan untuk berusaha dengan lebih giat lagi dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran hasil-hasil pertanian, ternakan, ternakair, penangkapan ikan dan industri berasaskan pertanian untuk kebahagiaan keluarga dan kemakmuran negara ;
- ii. Menggalakkan para peladang, penternak dan nelayan supaya bersatu dalam pergerakan Pertubuhan Peladang dan Persatuan Nelayan bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi dan pengeluaran bahan makanan ;
- iii. Menilai dan mengukur prestasi yang telah

mereka capai melalui pertandingan yang diadakan.

- iv. Mempamerkan dan mempromosikan teknologi dan hasil kajian terbaru.
- v. Memberi pendedahan dan maklumat kepada masyarakat umum terutamanya para peladang, penternak dan nelayan serta usahawan-usahawan tempatan dan antarabangsa mengenai perkembangan terkini termasuk peluang-peluang pelaburan dalam bidang perladangan dan industri berasaskan pertanian.

iv. Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show (MAHA)

Sambutan MAHA 2008 merupakan acara gemilang dan telah diiktiraf oleh MATRADE sebagai pameran pertanian bertaraf antarabangsa yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Ia diadakan dua tahun sekali dan digabungkan dengan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan untuk menarik perhatian lebih ramai golongan sasar. Pada tahun 2008, MAHA diadakan di Malaysia Agro-Exposition Park, Serdang (MAEPS), yang menjadi tapak pameran kekal MAHA yang diilhamkan oleh Y.B Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin B. Haji Mohd. Yassin. Kawasan seluas 84.4 hektar milik MARDI telah dibangunkan menjadi satu kawasan pameran pertanian terbesar negara.

Tema MAHA/HPPNK tahun 2008 masih mengekalkan "Pertanian Adalah Perniagaan". Selaras dengan tema tersebut, MAHA 2008 berkonsepkan pameran yang bercorak menarik pelaburan, mempamerkan teknologi dan perniagaan. Sambutan disertai pihak swasta tempatan mahupun luar negara.

Sambutan MAHA 2008 telah berlangsung selama 13 hari iaitu dari 11-23 Ogos 2008 dan bermula pada jam 10.00 pagi hingga 7.00 malam.

Objektif MAHA 2008

- i. Untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pembangunan pertanian dan industri berasaskan pertanian ;
- ii. Untuk menyediakan kemudahan kepada pihak kerajaan, syarikat swasta tempatan dan luar negara, usahawan dan golongan sasar untuk mempamerkan produk, teknologi pertanian terkini, peluang pelaburan dan servis ;
- iii. Orang ramai berpeluang menyaksikan teknologi dan inovasi terkini dalam bidang pertanian yang terdapat di pasaran antarabangsa; dan
- iv. Menonjolkan aspek-aspek pelancongan seperti keindahan Malaysia, destinasi agro-pelancongan dan budaya.



Berikut adalah kumpulan sasar yang menyertai MAHA 2008 :-

- i. Guest Nation MAHA 2008 – Australia
- ii. Organisasi antarabangsa yang terlibat dalam pertanian, livestock, dan perikanan.
- iii. Anak-anak syarikat kerajaan
- iv. Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan dan Kerajaan Negeri
- v. Usahawan Industri Kecil dan Sederhana
- vi. Institut-institut penyelidikan dan pembangunan tempatan dan antarabangsa.



Skop Pameran adalah meliputi perkara-perkara berikut :-

- i. Pertanian (hasil segar dari ladang)
- ii. Perikanan
- iii. Livestock
- iv. Makanan Halal
- v. R & D
- vi. Bioteknologi
- vii. Buah-buahan, sayur-sayuran, hortikultur dan florikultur
- viii. Peralatan jentera dan Mesin
- ix. Agrotourism
- x. Konsep pertanian moden
- xi. Pemprosesan produk
- xii. Produk sejuk beku

